

**HUBUNGAN KUALITI PENYELIAAN PENGAJARAN DENGAN EFKASI KENDIRI GURU**

**<sup>1</sup>Mardhiah bt Johari & <sup>2</sup>Rabiatul-Adawiah bt Ahmad Rashid\***  
\* r\_adawiah@usm.my

<sup>1</sup>Jabatan Pendidikan Pulau Pinang & <sup>2</sup>Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan  
Universiti Sains Malaysia

**ABSTRACT**

*This paper discusses the relationship between teaching and learning quality supervision and teacher's self-efficacy. The study involved 210 teachers from seven missionary schools around Penang whom their teaching and learning activities have been observed by the principal or his representative. This research used descriptive test to investigate the level of each variable of the study. The study reported that the quality of teaching and learning supervision is of high quality. Teachers' self-efficacy is also at high level. T-test for independent samples was used to measure the mean difference of the three variables studied based on gender. The study reported that there were significant differences in the mean of teachers' self-efficacy between male and female. Correlation test used to determine the relationship between independent variable with the dependent variable. The study reported that there is a very weak positive correlation between the quality of teaching supervision and self-efficacy of teachers. In conclusion, if the supervision of teaching and learning is of high quality, teachers' self-efficacy could be improved.*

**Keywords:** Quality, Supervision, Teacher Self-Efficacy, Teaching and Learning

## PENDAHULUAN

Perubahan dalam bidang pendidikan memerlukan pemantauan, penilaian dan penambahbaikan daripada pihak kementerian agar menjadi kitaran perancangan bagi memajukan sistem pendidikan negara (KPM, 2006). Menurut Sullivan dan Glanz (2005), penyeliaan ke atas pengajaran dan pembelajaran dari semasa ke semasa amat diperlukan sebagai suatu saluran kepada pengawasan kualiti pengajaran guru. Selain itu, menurut Sullivan dan Glanz (2005) lagi, penyeliaan adalah suatu landasan kepada penambahbaikan dan pemantapan serta memberikan peluang perkongsian profesionalisme dijalankan. Ini mampu menjadi platform menambahbaik proses pengajaran dan pembelajaran selaras hasrat kerajaan dalam menjadikan pendidikan Malaysia bertaraf antarabangsa (KPM, 2006) dan persediaan menyediakan pendidikan abad ke-21 (KPM, 2013).

Melalui Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/1987, KPM telah mewajibkan semua pengetua di sekolah menengah atau guru besar di sekolah rendah untuk menjalankan penyeliaan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah secara sistematik dengan mematuhi setiap prinsip pelaksanaan yang telah digariskan. Ianya berlandaskan sistem penyeliaan dan bukannya bertujuan mencari kesalahan guru (Sullivan dan Glanz, 2005). Penyelia perlu melengkapkan diri dengan ilmu kepenyeliaan agar dapat memperbaiki dan memantapkan proses penyeliaan ini seterusnya dapat meningkatkan tahap efikasi kendiri guru.

### *Latar Belakang Kajian*

Bidang pendidikan adalah bidang pengeluaran modal insan yang paling utama kepada sesebuah negara. Justeru, kualiti daripada bidang perguruan amat penting dalam usaha menjadikan negara Malaysia negara maju pada masa akan datang (Zulhilmi dan Rohani, 2003).

Menurut Wan Mohd Zahid (1993), penjaminan kualiti perkhidmatan profesion keguruan pada abad ke-21 merupakan suatu bentuk cabaran masa kini. Peningkatan perubahan dalam pelbagai bidang mendesak peningkatan kualiti perkhidmatan pendidikan negara. Hal ini mendorong kepada penyeragaman dan mutu perkhidmatan pendidikan yang perlu diperbaiki dan ditingkatkan dari semasa ke semasa. Proses peningkatan mutu pendidikan ini dapat diperbaiki melalui tahap kualiti pengajaran dan pembelajaran. Ini dapat dilakukan melalui penyeliaan pengajaran dan pembelajaran terhadap semua guru akademik di sekolah secara konsisten.

Menurut Nurahimah dan Rafisah (2010), tahap efikasi kendiri guru yang tidak menentu dan menurun memberikan impak yang negatif terhadap kualiti pendidikan yang diberikan kerana variable ini mempunyai hubungan signifikan positif. Justeru, peningkatan dalam kualiti pengajaran dan pembelajaran dapat ditingkatkan melalui penyeliaan kurikulum di dalam bilik darjah (Danielson dan McGreal, 2000).

Menurut Robiah (1988), aspek yang perlu ditekankan semasa penyeliaan ialah melalui pengajaran dan pembelajaran guru di dalam bilik darjah. Sehubungan itu, guru perlulah mempunyai efikasi kendiri yang tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran. Namun, sejauh manakah penyelia yang dipertanggungjawabkan ini bersedia dari segi pengetahuan, kemahiran teknikal dan kemahiran interpersonal? Adakah mereka memenuhi kriteria sebagai seorang penyelia yang mampu memimpin dan meningkatkan tahap profesionalisme guru?

Walaupun terdapat tujuan peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran melalui penyeliaan kurikulum di bilik darjah (Danielson dan McGreal, 2000), pengetua dibebani dengan tugas pengurusan dan pentadbiran yang terlalu banyak (Ruhani, 2005). Hal ini menyebabkan pelaksanaan penyeliaan pengajaran dan pembelajaran menjadi kurang berkualiti.

### **Pernyataan Masalah**

Isu berkaitan tahap efikasi kendiri guru yang rendah akibat daripada sistem penyeliaan yang lemah. Kenyataan ini disokong oleh Nurahimah dan Rafisah (2010) bahawa tahap efikasi kendiri guru yang rendah adalah juga disebabkan oleh penyeliaan pengajaran dan pembelajaran yang tidak berkualiti.

Malah, dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/1987, tugas penyeliaan pengajaran dan pembelajaran merupakan tugas yang amat penting. Rasionalnya tugas penyeliaan ini adalah suatu bentuk pelaksanaan kurikulum dan merupakan unsur teras fungsi institusi persekolahan (KPM, 1987). Tambahan lagi, penyeliaan adalah salah satu aspek terpenting dalam pentadbiran, pengurusan dan kepimpinan pendidikan. Penyeliaan juga merupakan satu mekanisma penggerak yang penting kepada pendidikan bertaraf dunia, yang dapat mengesan kelemahan dan memperbaiki kekurangan (Jemaah Nazir, 2003).

Meskipun terdapat arahan yang jelas dalam proses penyeliaan pengajaran dan pembelajaran tetapi ianya adalah sebagai panduan sahaja. Surat pekeliling yang digunakan tidak menjelaskan model-model penyeliaan yang perlu digunakan dalam konteks penyeliaan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah yang perlu dijadikan contoh oleh penyelia. Maka adalah penting bagi guru untuk dinilai dengan cara yang betul dan berkesan agar kemahiran dan profesionalisme mereka dapat ditingkatkan.

Kajian Abd. Razak (2005) membuktikan bahawa masih terdapat guru yang tidak pernah diselia. Kajian ini membuktikan bahawa proses penyeliaan dilaksanakan secara tidak serius oleh pengetua atau wakilnya. Masih terdapat perbezaan yang ketara dalam efikasi kendiri guru walaupun proses penyeliaan menggunakan standard dan tatacara yang sama (Abdull Sukor, 2003). Terdapat juga guru yang beranggapan bahawa tahap kewibawaan mereka sebagai seorang profesional dipersoalkan melalui penyeliaan seumpama ini. Mereka beranggapan bahawa mereka tidak perlu diselia lagi kerana telah mengikuti kursus-kursus profesionalisme keguruan terdahulu.

Menurut Glickman, Gordon dan Ross-Gordon (2004), penyeliaan yang berkualiti hanya dapat disempurnakan oleh pengetua yang menguasai ilmu kepenyeliaan yang mantap. Walhal, dalam kajian Sharifah (2001), pencerapan yang dilakukan oleh kebanyakkan pentadbir sekolah yang terdiri daripada guru-guru pentadbiran tidak menunjukkan kompetensi pencerapan yang meyakinkan guru. Penyelia ini menerima kemahiran pentadbiran tetapi tiada satu kursus khas bagi memberikan latihan kepenyeliaan kepada mereka. Keadaan ini mempengaruhi persepsi guru terhadap keperluan dan kepentingan penyeliaan pengajaran dan pembelajaran. Al-Ramaiah (1999) mendapati bahawa masih terdapat guru yang merasa ragu terhadap penyeliaan pengetua mereka dari aspek kewibawaan, kebolehan, kemahiran dan kepakaran penyeliaan. Selain itu, tugas penyeliaan ini juga sering diberikan kepada orang bawahan yang tidak berpengetahuan dalam proses kepenyeliaan.

Maka dengan timbulnya permasalah ini, peningkatan efikasi kendiri guru melalui penyeliaan pengajaran dan pembelajaran tidak dapat dilakukan. Guru perlu dicerap dengan procedur dan sistem yang telah diperkenalkan dengan betul dan adil bagi memperoleh maklumat sebenar yang dapat digunakan sebagai penggerak kepada kemajuan dan kualiti pendidikan yang diharapkan. Selain itu penyeliaan perlulah dilakukan oleh penyelia yang menguasai ilmu kepenyeliaan.

### **Objektif Kajian**

Kajian ini diharapkan dapat mencapai objektif berikut:

- i) Mengenalpasti tahap kualiti penyeliaan pengajaran dan pembelajaran dan tahap efikasi kendiri guru.
- ii) Mengenalpasti perbezaan dalam min kualiti penyeliaan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan jantina.

- iii) Mengenalpasti perbezaan dalam min efikasi kendiri guru dalam kalangan guru berdasarkan jantina.
- iv) Mengenalpasti hubungan antara kualiti penyeliaan pengajaran dan pembelajaran dengan efikasi kendiri guru.

## SOROTAN LITERATUR

Bahagian ini membincangkan tajuk-tajuk berikut:

### *Penyeliaan*

Acheson dan Smith (1986) menyatakan bahawa penyelia yang berpengetahuan dan mempunyai latihan khusus dalam disiplin kepenyeliaan, boleh dipercayai, menyokong serta berpengalaman merupakan penyelia yang diharapkan oleh setiap subordinat. Dapatkan kajian Dollansky (1997) menyatakan bahawa guru-guru mahukan penyelia yang berpengetahuan tentang pengajaran berkesan, berkemahiran tentang teknik-teknik penyeliaan, mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi dan mempunyai hubungan yang baik dengan subordinat, yang akan mengadakan persidangan pasca penyeliaan dan refleksi supaya maklum balas dapat diterima secepat mungkin setelah proses penyeliaan selesai.

Menurut Glickman, Gordon dan Ross-Gordon (2004), perkembangan guru dan keberkesanan proses penyeliaan adalah bergantung kepada tahap pengetahuan dan tahap kemahiran yang ada dalam diri penyelia. Ukuran kualiti penyeliaan adalah berdasarkan kepada keberkesanan amalan penyeliaan. Melalui tiga dimensi iaitu pengetahuan, kemahiran interpersonal dan kemahiran teknikal, ketiga-tiga dimensi dapat diaplikasikan dalam tugas penyeliaan bagi memberikan bantuan langsung yang berupaya meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

Justeru, ukuran kualiti penyeliaan pengajaran dan pembelajaran bagi kajian ini adalah berdasarkan kepada dimensi yang perlu ada pada penyelia (Glickman, Gordon dan Ross-Gordon, 2004) iaitu berpengetahuan luas, berkemahiran interpersonal dan berkemahiran teknikal. Gabungan ketiga-tiga dimensi ini mampu meningkatkan kualiti penyeliaan pengajaran dan pembelajaran seterusnya dapat meningkatkan pencapaian murid (Glickman, Gordon dan Ross-Gordon, 2004).

Kajian oleh Zainuddin (1998) berkaitan persepsi guru terhadap penyeliaan pengajaran di sebuah sekolah di Kelantan mendapati bahawa kualiti penyeliaan pengajaran dan pembelajaran dapat meningkatkan prestasi pengajaran guru ke arah tercapainya objektif pengajaran.

Kajian yang dilakukan oleh Hamdan dan Ali (2011) berkenaan penyeliaan pengajaran di sekolah-sekolah kebangsaan Daerah Johor Bahru mendapati kualiti penyeliaan pengajaran dan pembelajaran berada pada tahap yang tinggi. Kesimpulannya, guru-guru bersetuju bahawa kualiti penyeliaan pengajaran dan pembelajaran adalah diperlukan untuk kecemerlangan akademik murid dan memperlihatkan kecekapan guru dalam pengajaran.

Kajian Hamdan dan Rahimah (2011) berkaitan amalan penyeliaan pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah kebangsaan di daerah Melaka Tengah mendapati guru-guru mempunyai tanggapan positif terhadap penyeliaan pengajaran di sekolah. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa pengetua merupakan penyelia yang dapat membantu guru dalam peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

Kajian Anusuya (2013) terhadap 123 orang guru daripada lapan buah sekolah kebangsaan di Zon Batu Anam, Segamat menunjukkan tahap min keseluruhan kualiti penyeliaan pengajaran dan pembelajaran berada pada tahap tinggi.

### Efikasi Kendiri

Bandura (1977) menjelaskan efikasi kendiri sebagai kepercayaan terhadap kebolehan diri dalam mengatasi masalah pembelajaran murid melalui komitmen, kesungguhan dan sikap guru dalam pengajarannya. Efikasi kendiri guru ialah kebolehan individu guru untuk meningkatkan prestasi murid termasuk kalangan murid yang lemah. Konsep efikasi sangat berkait rapat dengan pencapaian murid di sekolah (Nurahimah dan Rafisah, 2010; Hamdan dan Nurlia, 2009; Rafisah, 2009). Guru berefikasi kendiri tinggi mampu mewujudkan persekitaran pembelajaran yang berkesan dan ianya datang daripada persediaan pengajaran yang cemerlang. Selain itu, guru-guru yang memiliki efikasi kendiri yang tinggi mampu menerima dan membuat perubahan terhadap idea-idea baharu bagi meningkatkan pencapaian pelajar. Mereka juga berupaya berdepan dengan pelajar lemah dengan sikap yang rasional.

Efikasi menurut Bandura (1986) merupakan pertimbangan seseorang mengenai kemampuan mengelola dan melaksanakan tindakan yang perlu untuk mencapai prestasi yang ditetapkan. Individu yang mempunyai efikasi kendiri yang tinggi akan terus berusaha mencapai matlamat. Menurut Bandura (1997) lagi, efikasi kendiri guru merupakan kepercayaan terhadap kebolehan diri dalam mengatasi masalah pembelajaran pelajar melalui komitmen, kesungguhan dan sikap guru dalam pengajaran. Efikasi kendiri guru merupakan kebolehan seseorang guru untuk meningkatkan prestasi pelajar walaupun dalam kalangan murid yang lemah. Guru berefikasi kendiri tinggi mampu mewujudkan suasana pembelajaran yang berkesan dan akan melakukan persediaan pengajaran yang lebih baik. Guru juga akan bersikap lebih terbuka dalam menerima dan melaksanakan idea-idea baharu dalam usaha meningkatkan pencapaian pelajar. Malah, guru yang berefikasi kendiri tinggi mampu berfikir secara rasional dalam mengendalikan pelajar bermasalah.

Manakala menurut Tschannen-Moran dan Hoy (2001), efikasi kendiri guru ialah pertimbangan guru terhadap keupayaannya untuk mencapai hasil yang diharapkan dalam penglibatan dan pembelajaran murid, walaupun terdapat murid yang menghadapi kesukaran dan tidak bermotivasi serta dipengaruhi oleh faktor luaran. Menurut Tschannen-Moran dan Hoy (2001), guru yang menganggap faktor persekitaran luaran mengatasi kebolehan guru (berfikasi rendah), akan menjadikan proses pengajaran berada di luar kawalan mereka dan sebaliknya. Ini bererti guru yang mempunyai efikasi kendiri yang tinggi mampu mengawal tindakan mereka dan mempunyai kawalan bilik darjah yang baik tanpa dipengaruhi oleh faktor luaran.

Kepemimpinan pengetua menjadi faktor penyumbang kepada hubungannya dengan efikasi guru. Hoy, Wayne, Woolfolk dan Anita (1993) dalam kajiannya mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara iklim sekolah dengan efikasi guru. Kajian mereka ini dilakukan secara rawak kepada 179 orang guru daripada 37 sekolah yang menggunakan *Teacher Efficacy Scale* dan *The Organizational Health Inventory* bagi mengkaji kesan daripada kepimpinan, pertimbangan, integriti organisasi, moral dan penekan terhadap akademik mendapati bahawa kepimpinan dan penekanan terhadap akademik memberikan kesan kepada efikasi guru.

Kajian Pajares (2002) menunjukkan individu berefikasi tinggi mempunyai motivasi yang tinggi. Ini menyokong teori Bandura (1977) bahawa efikasi kendiri mempengaruhi motivasi individu. Kajian Pajares (2002) mendapati efikasi guru yang tinggi berupaya meningkatkan kecemerlangan dalam pengajaran.

Terdapat kajian melihat pengaruh jantina terhadap efikasi guru. Kajian Khalid (2009) mendapati bahawa guru lelaki mempunyai efikasi yang tinggi berbanding guru perempuan. Manakala kajian daripada Tschannen-Moran dan Hoy (2007) menunjukkan bahawa variable demografi seperti jantina dimasukkan sebagai faktor kawalan kerana menurutnya tiada teori yang menyokong ataupun menunjukkan hubungan antara variable demografi ini dengan efikasi melainkan perkaitan kecil antara

pengalaman yang melibatkan model dalam kehidupan seseorang individu itu dengan realiti kehidupannya.

Demir (2008) dalam kajiannya mendapat terdapat hubungan yang signifikan antara kepimpinan transformasional pengetua dengan efikasi kendiri guru. Kajian ini membuktikan bahawa kepimpinan transformasional mempengaruhi subordinat secara langsung dengan kolektif efikasi dan berkait secara tidak langsung dengan kolektif efikasi melalui efikasi kendiri guru dan budaya kolaboratif sekolah.

Ebmeier (2003) dalam kajiannya menemui hubungan yang signifikan antara sokongan pengetua dengan efikasi pengajaran individu. Kajian Teng (2006) dan Kajian Nurahimah dan Rafisah (2010) mendapati tahap efikasi kendiri guru adalah tinggi. Kajian O'Neill Stephenson dan Carter (2012) mendapati tahap efikasi adalah tinggi berkaitan pengaruh sumber efikasi kendiri guru terhadap guru pra-perkhidmatan di Australia. Kajian ini mendapati bahawa tiada perbezaan yang signifikan antara efikasi kendiri guru pra-perkhidmatan dengan jantina. Selain itu, dapatan kajian ini turut disokong oleh Tschanne-Moran & Woolfolk Hoy (2002) dan Rahmah et al. (2006). Seterusnya, kajian Anusuya (2013) pula mengkaji tahap kualiti penyeliaan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah dengan efikasi guru; yang menunjukkan tahap efikasi guru yang tinggi.

Data *Teaching and Learning International Survey* (TALIS) yang dilaporkan pada 2013 yang melibatkan 24 buah negara mengkaji cara-cara kerja guru diiktiraf, dinilai dan ganjaran, dan menilai penyertaan guru dalam aktiviti pembangunan profesionalisme. TALIS juga mengkaji peranan pemimpin sekolah dan sokongan yang mereka berikan terhadap guru-guru mereka. Malaysia menyertainya pada 2008 dan mendapati bahawa tahap efikasi guru di Malaysia adalah pada tahap purata kajian TALIS yang disebabkan oleh kurangnya sokongan pengetua dan kurangnya penglibatan dalam kursus pembangunan profesionalisme keguruan.

Kajian Nurahimah dan Rafisah (2010) mendapati terdapat hubungan kualiti penyeliaan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah dengan efikasi kendiri guru yang signifikan di antara kedua-dua variable ini. Kesimpulannya, penyeliaan berkualiti dapat menyumbang kepada peningkatan efikasi guru.

Kajian Anusuya (2013) menunjukkan perhubungan antara efikasi kendiri guru dengan tahap kualiti penyeliaan pengajaran dan pembelajaran adalah lemah. Kajian Rafisah (2010) mendapati terdapat hubungan yang signifikan sederhana antara kualiti penyeliaan pengajaran dan pembelajaran dengan efikasi guru. Melalui kajian literatur berkaitan hubungan antara kualiti penyeliaan dengan efikasi kendiri guru, dapat disimpulkan bahawa pengetua selaku penyelia di sekolah memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan efikasi kendiri guru dan seterusnya dapat menyediakan pendidikan yang berkualiti melalui amalan penyeliaan pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti.

## METODOLOGI KAJIAN

Bahagian ini menerangkan aspek reka bentuk kajian, persampelan dan populasi kajian dan kajian rintis.

### ***Reka bentuk Kajian***

Kajian ini dilaksanakan untuk mengkaji hubungan antara penyeliaan pengajaran dan pembelajaran dengan tahap efikasi kendiri guru. Kajian ini adalah berbentuk kajian tinjauan. Soal selidik digunakan sebagai kaedah pengumpulan data.

### **Persampelan dan Populasi Kajian**

Populasi kajian dipilih ialah guru-guru daripada sekolah menengah Mubaligh di daerah Timur Laut, Pulau Pinang. Responden terdiri daripada guru-guru selain pentadbir sekolah. Bagi memilih sampel sekolah, persampelan rawak mudah digunakan dan terdapat 7 buah sekolah dipilih yang menepati kriteria sekolah kajian.

Setelah dikaji, bilangan keseluruhan populasi guru dari sekolah yang dipilih adalah seramai 462. Berdasarkan jadual persampelan yang dikemukakan oleh Krejcie & Morgan (1970), bilangan populasi 462 memerlukan sampel seramai 210 orang. Maka bilangan sampel guru yang dipilih secara rawak ialah 210 orang guru daripada 7 buah sekolah kajian bagi menjawab soal selidik. Maka penyelidik menetapkan bahawa bilangan responden setiap sekolah ialah seramai 30 orang. Pemilihan sampel guru adalah secara rawak sistematis. Melalui senarai nama guru di sekolah kajian, pengkaji memilih guru daripada selang kedua setiap nombor untuk dijadikan sampel.

### **Kajian rintis**

Kajian rintis dijalankan di sekolah menengah Mubaligh dalam daerah lain selain daerah Timur Laut, Pulau Pinang untuk menguji tahap kebolehpercayaan instrumen. Sebanyak 30 set soalan soal selidik telah diagihkan kepada responden untuk tujuan kajian rintis. Hasil daripada kajian rintis, satu analisis kebolehpercayaan telah dijalankan dengan menggunakan program *Statistical Package for the Social Science version 21.0* (SPSS/21/0).

Jadual 1.1 Keputusan Analisis Kebolehpercayaan Kajian Rintis

Bahagian	Soal selidik	No Item	Bilangan Item	$\alpha$
B	Kualiti Penyeliaan	1 - 24	24	.893
C	Efikasi Kendiri Guru	1 - 12	12	.887

Merujuk kepada Jadual 1.1 berkaitan kebolehpercayaan instrumen soal selidik jelaslah bahawa kesemua item soal selidik mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Kesemua item adalah diantara 0.80 hingga 0.90 yang menunjukkan kebolehpercayaan yang sangat baik (Mohd Majid, 1998).

Soal selidik diedarkan pada waktu persekolahan kerana kebarangkalian untuk guru berada di sekolah adalah tinggi. Penyelidik menjelaskan proses pengumpulan kertas soal selidik diberikan tanggungjawab kepada guru kanan atau guru penolong kanan supaya proses kutipan soal selidik berjalan lancar. Tempoh soal selidik dijawab ditetapkan selama seminggu. Selepas seminggu, penyelidik pergi dari sekolah ke sekolah untuk mengutip soal selidik atau melalui peti pos yang terdapat di pejabat JPN. Penyelidik menetapkan bahawa 80-100% pulangan soal selidik. Menurut Gay, Airasian dan Mills (2011) tiada suatu ketetapan tentang berapa banyaknya bilangan soal selidik yang perlu dipulangkan untuk menentukan kesahan keputusan kajian.

### **DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

Statistik deskriptif digunakan untuk menganalisis kekerapan dan peratusan menghuraikan data dalam bahagian demografi dan maklumat am responden. Analisis statistik deskriptif yang digunakan ditunjukkan dalam Jadual 1.2.

Jadual 1.2 Analisis statistik deskriptif

Bil	Soalan Kajian	Analisis
1.	Apakah tahap kualiti penyeliaan pengajaran dan pembelajaran di sekolah menengah Mubaligh Daerah Timur Laut, Pulau Pinang?	Deskriptif (min, sisihan piawai)
2.	Apakah tahap efikasi guru dalam kalangan guru sekolah menengah Mubaligh Daerah Timur Laut, Pulau Pinang?	Deskriptif (min, sisihan piawai)

Statistik inferensi digunakan untuk menguji hipotesis yang dibina berdasarkan ujian  $-t$  dan ujian korelasi Pearson ( $r$ ). Analisis statistik yang digunakan ditunjukkan di dalam Jadual 1.3.

Jadual 1.3 Analisis Statistik Inferensi

Bil	Hipotesis Kajian	Analisis Statistik
1.	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap kualiti penyeliaan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan jantina.	Ujian - $t$ sampel bebas
2.	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap efikasi guru berdasarkan jantina.	Ujian - $t$ sampel bebas
3.	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kualiti penyeliaan pengajaran dan pembelajaran dengan efikasi guru.	Ujian Korelasi

Dapatan kajian menunjukkan bahawa bilangan guru perempuan dalam kajian ini melebihi bilangan guru lelaki. Seramai 174 orang responden (82.9%) adalah perempuan dan 36 orang (17.1%) adalah lelaki.

Bagi peringkat umur kurang daripada 25 tahun, sebanyak 5 orang responden berada dalam kumpulan ini (2.4%). Peringkat umur 26-35 tahun mempunyai peratus paling tinggi iaitu 42.9% yang mewakili 90 orang. Lingkungan umur 36-45 tahun pula terdiri daripada 41 orang iaitu sebanyak 19.5%. Sebaliknya linkungan umur 46-55 tahun mempunyai nilai peratusan sebanyak 35.2% mewakili 74 orang responden.

Dari segi pengalaman mengajar pula, seramai 79 responden adalah daripada kumpulan pengalaman mengajar lebih daripada 15 tahun (37.6 %). Manakala peratusan yang paling sedikit dalam pengalaman mengajar adalah daripada kumpulan 10 hingga 15 tahun iaitu sebanyak 11.9 %. Seterusnya ialah responden dari kumpulan pengalaman mengajar satu hingga tiga tahun mewakili 28 orang responden (13.3 %) dan empat hingga sembilan tahun mewakili 78 orang responden (37.1 %).

### ***Tahap Kualiti Penyeliaan Pengajaran dan Pembelajaran***

Dapatan kajian bagi bahagian ini adalah berdasarkan kepada tahap kualiti penyeliaan dan pengajaran dan pembelajaran secara keseluruhan daripada tiga dimensi iaitu pengetahuan, kemahiran interpersonal dan kemahiran teknikal.

Jadual 1.4 Tahap Penyeliaan Pengajaran dan Pembelajaran

	Min	Sisihan Piawai	Tahap min
Penyeliaan Pengajaran dan Pembelajaran	3.81	.63	Tinggi

Dapatan dalam Jadual 1.4 menunjukkan bahawa nilai bagi tahap penyeliaan pengajaran dan pembelajaran yang diperoleh ialah 3.81 ( $SD = .63$ ) menunjukkan tahap kualiti penyeliaan pengajaran dan pembelajaran yang tinggi.

#### ***Tahap Efikasi Kendiri Guru***

Dapatan kajian bagi bahagian ini adalah berdasarkan kepada efikasi kendiri guru secara keseluruhan daripada tiga dimensi efikasi kendiri iaitu strategi pembelajaran, pengurusan bilik darjah dan penglibatan pelajar.

Jadual 1.5 Tahap Efikasi Kendiri Guru

	Min	Sisihan Piawai	Tahap min
Efikasi Guru	4.14	0.39	Tinggi

Dapatan dalam Jadual 1.5 menunjukkan bahawa nilai min bagi tahap efikasi kendiri guru yang diperoleh ialah 4.14 ( $SD = .39$ ). Mengikut Mohd Majid (2004), nilai min menunjukkan tahap efikasi kendiri guru yang tinggi.

#### ***Tidak Terdapat Perbezaan dalam Min Kualiti Penyeliaan Pengajaran dan Pembelajaran oleh Penyelia Berdasarkan Jantina***

Jadual 1.6 Perbezaan dalam min kualiti penyeliaan pengajaran dan pembelajaran oleh penyelia mengikut jantina

Jantina	N	M	SD	t	p
Lelaki	36	3.59	.85	-1.84	.07
Perempuan	174	3.86	.56		

Berdasarkan Jadual 1.6 didapati nilai  $t$  bagi perbandingan tahap kualiti penyeliaan pengajaran dan pembelajaran bagi guru lelaki dan guru perempuan ialah  $t = -1.84$  dan tahap signifikan  $p = .07$ . Tahap signifikan ini lebih besar daripada  $.05$  ( $p > .05$ ). Oleh itu, hipotesis nul ( $H_0$ ) gagal ditolak. Kesimpulannya, tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam kualiti penyeliaan pengajaran dan pembelajaran antara guru lelaki dan guru perempuan,  $t(41.59) = -1.84$ ,  $p = .07$ .

#### ***Terdapat Perbezaan dalam Min Efikasi Kendiri Guru Berdasarkan Jantina***

Jadual 1.7 Perbezaan dalam min efikasi kendiri guru mengikut jantina

Efikasi kendiri guru	N	M	SD	t	p
Lelaki	36	4.28	.42	2.33	.02
Perempuan	174	4.11	.38		

Berdasarkan Jadual 1.7 didapati nilai  $t$  bagi perbezaan min efikasi kendiri guru bagi guru lelaki dan guru perempuan ialah  $t = 2.33$  dan tahap signifikan  $p = .03$ . Tahap signifikan ini lebih kecil daripada  $.05 (p < .05)$ . Oleh itu, hipotesis nul ( $H_0$ ) ditolak. Kesimpulannya, terdapat perbezaan yang signifikan dalam min efikasi kendiri guru antara guru lelaki dan guru perempuan,  $t (207) = 2.33, p = .02$ .

#### **Terdapat Hubungan Kualiti Penyeliaan Pengajaran dan Pembelajaran dengan Efikasi Kendiri Guru**

Analisis data dibuat dalam bahagian ini untuk mengkaji hubungan yang terdapat antara kualiti penyeliaan pengajaran dan pembelajaran dengan efikasi kendiri guru berdasarkan soal selidik yang telah dibina.

Jadual 1.8 Hubungan antara Kualiti Penyeliaan Pengajaran dan Pembelajaran dengan Efikasi Kendiri Guru

		Penyeliaan Pengajaran dan Pembelajaran	Efikasi
Penyeliaan Pengajaran dan Pembelajaran	Pearson Correlation	1	.19**
	Sig. (2-tailed)		.01
	N	210	210
Efikasi	Pearson Correlation	.19**	1
	Sig. (2-tailed)	.01	
	N	210	210

\*\*. Signifikan pada aras  $p < .05$

Nilai  $\alpha$  ditetapkan ialah  $.05, p = .01 < .05$ ,  $H_0$  ditolak,  $r (210) = .19, p < .05, r^2 = .04$ . Kesimpulannya, terdapat hubungan yang signifikan antara kualiti penyeliaan pengajaran dan pembelajaran dengan efikasi kendiri guru. Kekuatan korelasi antara kualiti penyeliaan pengajaran dan pembelajaran dengan efikasi kendiri guru berada pada kekuatan positif yang sangat lemah.

#### **PERBINCANGAN**

Dapatan kajian menunjukkan tahap kualiti penyeliaan pengajaran dan pembelajaran dalam kajian ini berada pada tahap. Keputusan kajian ini selari dengan dapatan kajian oleh Nurahimah dan Rafisah (2010) berkaitan penyeliaan pengajaran dan pembelajaran bilik darjah dengan efikasi guru yang menunjukkan tahap kualiti penyeliaan pengajaran dan pembelajaran adalah tinggi.

Dapatan ini menunjukkan bahawa guru-guru mempunyai tanggapan yang tinggi terhadap kualiti penyeliaan pengajaran dan pembelajaran penyelia mereka dengan mengamalkan kesemua kemahiran kepenyeliaan seperti mempunyai pengetahuan dalam bidang penyeliaan, berkemahiran interpersonal dan mempunyai kemahiran teknikal yang tinggi. Guru-guru yang diselia mempunyai keyakinan yang tinggi, mendapat sokongan yang tinggi dari penyelia dan penyeliaan yang dilakukan adalah aktif yang dapat menyumbang kepada peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Sokongan dan galakan yang baik dan positif dapat meningkatkan motivasi dan komitmen guru seterusnya ianya dapat menyumbang kepada peningkatan dalam pencapaian murid (Glickman, Gordon dan Ross-Gordon, 2004). Tahap kualiti penyeliaan pengajaran dan pembelajaran yang tinggi juga mampu meningkatkan kemahiran-kemahiran seperti mencungkil potensi manusia, meningkatkan kemahiran kepimpinan,

menyumbang kepada komunikasi berkesan, perkembangan kurikulum yang baik serta dapat mengembangkan sumber manusia (Olivia dan Pawlas, 2004; dan Lovell dan Wiles, 2004).

Dapatan kajian ini selari dengan dapatan Anusuya (2013), *Hamdan dan Rahimah (2011)* dan *Hamdan dan Ali (2011)* yang menunjukkan tahap min keseluruhan bagi kualiti penyeliaan pengajaran dan pembelajaran berada pada tahap tinggi. Anusuya (2013) berpendapat bahawa kualiti penyeliaan pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan adalah menepati kesemua aspek dalam proses penyeliaan bilik darjah. *Kajian ini menyimpulkan bahawa guru - guru bersetuju bahawa kualiti penyeliaan pengajaran dan pembelajaran adalah diperlukan untuk kecemerlangan akademik murid dan memperlihatkan kecekapan dalam pengajaran. Objektif pengajaran yang dicapai dapat disumbangkan melalui peningkatan prestasi pengajaran guru yang diselia (Zainuddin, 1998).*

Dapatan kajian menunjukkan tahap efikasi kendiri guru dalam kajian ini berada pada tahap tinggi. Keputusan ini adalah selari dengan dapatan kajian Teng (2006) yang melibatkan 420 orang guru daripada 18 buah sekolah menengah di bahagian Kuching dan Samarahan. Kajian Teng (2006) mendapati bahawa tahap efikasi kendiri guru adalah tinggi. Dapatan kajian ini turut disokong oleh dapatan kajian Demir (2008), Ebmeier (2003) dan Khalid (2009).

Dapatan menunjukkan guru-guru di sekolah mempunyai tahap efikasi kendiri guru yang tinggi yang memberikan gambaran bahawa guru-guru bersedia dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta mampu mewujudkan suasana pembelajaran yang berkesan (Bandura, 1997). Guru-guru akan membuat persediaan dan strategi pembelajaran yang baik agar penyampaian maklumat semasa pengajaran dapat dioptimumkan sepenuhnya. Selain itu, elemen pengurusan bilik darjah yang baik juga membantu dalam meningkatkan tahap efikasi guru. Dapatan menunjukkan bahawa guru-guru yang diselia mempunyai pengurusan bilik darjah yang baik, iaitu disiplin murid dapat dikawal dengan baik. Selain itu juga, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tahap penglibatan murid juga adalah tinggi disebabkan oleh tahap efikasi kendiri guru yang tinggi untuk menarik minat murid. Dapat disimpulkan bahawa efikasi guru yang tinggi dapat menjamin kepada persekitaran pembelajaran yang menarik dan bermutu (Bandura, 1997).

Kajian ini adalah setara dengan kajian Nurahimah dan Rafisah (2010) berkaitan penyeliaan pengajaran dan pembelajaran bilik darjah dengan efikasi guru yang menunjukkan tahap efikasi guru berada pada tahap yang tinggi Kajian ini menyimpulkan bahawa guru – guru mempunyai persediaan dalam diri masing- masing untuk menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran sesuatu yang menarik dan berkualiti.

Dapatan kajian ini juga disokong oleh kajian O'Neill dan Stephenson (2012) dan Anusuya (2013) yang melaporkan nilai min tahap efikasi kendiri guru adalah tinggi dan ianya menyumbang kepada peningkatan pencapaian pelajar dalam pembelajaran serta menyumbang kepada persekitaran pembelajaran yang baik dan berjaya.

Dapatan yang dikemukakan oleh TALIS (2013) yang melibatkan 24 buah negara mendapati bahawa tahap efikasi guru di Malaysia adalah pada tahap purata kajian TALIS. Hal ini adalah disebabkan oleh kurangnya sokongan pengetua dan kurangnya penglibatan dalam kursus pembangunan profesionalisme keguruan. Kajian ini menunjukkan bahawa walaupun tahap efikasi kendiri guru di Malaysia adalah baik, tetapi dengan kurangnya sokongan pengetua dan penglibatan dalam kursus pembangunan profesionalisme keguruan, nilai yang ada dalam diri guru tidak dapat digunakan sepenuhnya kepada usaha meningkatkan kemajuan murid.

Dapatan ini menunjukkan bahawa faktor jantina tidak berperanan dalam menentukan kualiti penyeliaan pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan ke atas individu guru. Guru lelaki maupun

perempuan berpendapat bahawa kualiti penyeliaan pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan keatas mereka adalah sederhana.

Dapatan kajian ini tidak disokong oleh Vijayaamalar dan Suhaida (2013) yang mendapati terdapat perbezaan yang signifikan antara sikap guru terhadap penyeliaan pengajaran dan pembelajaran antara guru lelaki dan perempuan ( $t = -2.18, p < .03$ ). Guru lelaki beranggapan bahawa kualiti penyeliaan pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan oleh penyelia adalah berkualiti berbanding tanggapan guru perempuan.

Ujian yang telah digunakan untuk mengkaji perbezaan dalam nilai min efikasi kendiri guru antara guru lelaki dan guru perempuan ialah Ujian-*t* sampel bebas. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam min efikasi kendiri guru antara guru lelaki dan guru perempuan,  $t(207) = 2.325, p = .02 < .05$ . Skor min bagi efikasi kendiri guru lelaki ( $M = 4.28, SD = .42$ ) adalah lebih tinggi berbanding nilai min efikasi kendiri guru perempuan ( $M = 4.11, SD = .38$ ).

Dapat disimpulkan bahawa jantina memainkan peranan dalam penentuan tahap efikasi kendiri guru. Guru lelaki mempunyai tahap efikasi kendiri yang tinggi berbanding guru perempuan. Tahap efikasi dapat dinilai melalui kesungguhan dan kepercayaan diri yang tinggi untuk meningkatkan pencapaian pelajar (Bandura, 1997). Guru lelaki menunjukkan tahap kepercayaan terhadap diri sendiri yang tinggi dalam meningkatkan tahap penguasaan ilmu oleh murid mereka. Pengkaji beranggapan guru lelaki memberikan galakan dan motivasi dalam usaha meningkatkan prestasi murid. Selain itu, tahap efikasi kendiri yang tinggi menggambarkan guru mempunyai persediaan dalam pengajaran (Bandura, 1997). Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru lelaki mampu mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih berkesan daripada guru perempuan. Dapatan kajian ini selari dengan Khalid (2009) mendapati bahawa jantina guru memberikan perbezaan yang signifikan ke atas efikasi guru. Guru lelaki didapati mempunyai efikasi yang tinggi berbanding guru perempuan.

Dapatan kajian ini tidak disokong oleh kajian O'Neill dan Stephenson (2012) yang mendapati bahawa tiada perbezaan yang signifikan antara efikasi kendiri guru pra - perkhidmatan berdasarkan jantina. Selain daripada itu, dapatan kajian ini turut selari dengan dapatan kajian Tschanne-Moran dan Woolfork Hoy (2002) dan Rahmah et al. (2006). Tschanne-Moran dan Woolfork Hoy (2007) menunjukkan bahawa pembolehubah jantina dimasukkan sebagai faktor kawalan kerana tiada teori yang menyokong ataupun menunjukkan hubungan antara pembolehubah ini dengan efikasi melainkan perkaitan kecil antara pengalaman seseorang individu itu dengan realiti kehidupannya.

Dapatan daripada kajian ini menunjukkan terdapatnya hubungan secara langsung yang sangat lemah di antara kualiti penyeliaan pengajaran dan pembelajaran dengan efikasi kendiri guru ( $r = .19, p = .00 < .05$ ). Dapatan menunjukkan bahawa hubungan yang sangat lemah ini hanya menyumbang kepada peningkatan efikasi kendiri guru yang sedikit. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kualiti penyeliaan pengajaran dan pembelajaran kurang mempengaruhi komitmen guru. Ini menunjukkan bahawa, jika kualiti pengajaran itu adalah tinggi, tahap efikasi kendiri guru tidak menunjukkan peningkatan yang sangat ketara. Pengkaji berpendapat dapatan kajian juga dipengaruhi oleh faktor-faktor luaran yang lain seperti faktor persekitaran tempat kerja, budaya kerja sekolah, faktor pengalaman kerja, latar belakang pendidikan guru dan sebagainya yang menyumbang kepada efikasi kendiri guru.

Dapatan kajian ini adalah setara dengan dapatan kajian oleh Nurahimah dan Rafisah (2010) berkaitan hubungan kualiti penyeliaan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah dengan efikasi guru yang menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara kedua - dua variable ini ( $r = .41, p < .05$ ). Nilai kekuatan korelasi yang ditunjukkan dalam dapatan kajian Nurahimah dan Rafisah (2010) adalah sederhana dan hubungan adalah positif, yang menunjukkan penyeliaan berkualiti dapat menyumbang kepada peningkatan efikasi guru dan sebaliknya.

Dapatan kajian ini juga disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Anusuya (2013) berkaitan tahap kualiti penyeliaan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah dengan efikasi guru yang mendapati tahap perhubungan antara efikasi guru dengan tahap kualiti penyeliaan pengajaran dan pembelajaran adalah lemah.

## KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan kajian, keputusan menunjukkan bahawa kualiti penyeliaan pengajaran dan pembelajaran dan efikasi kendiri guru berada pada tahap tinggi. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam min efikasi guru antara guru lelaki dan guru perempuan. Secara keseluruhannya, jelas menunjukkan bahawa efikasi kendiri guru mempunyai hubungan yang sangat lemah dengan kualiti penyeliaan pengajaran dan pembelajaran. Sebagai kesimpulan, kualiti penyeliaan pengajaran dan pembelajaran dapat meningkatkan efikasi kendiri guru pada kadar yang rendah.

## RUJUKAN

- Abdul Razak Ibrahim. (2005). *Amalan penyeliaan pengajaran di sebuah sekolah di Daerah Kluang Johor*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan, Institusi Pengajian Kepengetuaan, Universiti Malaya.
- Abdull Sukor Shaari (2003). *Hubungan motivasi, keupayaan mengajar dan komitmen kerja dengan prestasi kerja guru Bahasa Melayu sekolah menengah*. Tesis doktoral yang tidak diterbitkan. Universit Utara Malaysia.
- Acheson, K. A., and Smith, S.C. (1986). *It is time for principals to share the responsibility for instructional leadership with others*. Eugene: Oregon School Study Council. (Eric Document Reproduction Service No. ED 267510)
- Al-Ramaiah. (1999). Penyeliaan Klinikal : Satu Pendekatan Terhadap Pengajaran-Pembelajaran di Sekolah. *Jurnal Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia*, 3, 23-28.
- Anusuya Kaliappan. (2013). *Tahap kualiti penyeliaan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah dengan efikasi guru di SK Zon Batu Anam, Segamat*. Tesis kedoktoran yang tidak diterbitkan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Bandura, A. (1977). Self-efficacy: Toward a unifying theory of behavioural change. *Psychological Review*, 84, 191 - 215.
- Bandura, A. (1986). *Social foundations of thought and action*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Bandura, A. (1997). *Self-efficacy: The Exercise of Control*. NY: W.H. Freeman and Company.
- Danielson, C., & McGreal, T. L. (2000). *Teacher evaluation to enhance professional practice*. Alexandria, VA : Association of Supervision and Curriculum Development.

- Demir, K. (2008). Transformational leadership and collective efficacy : the moderating roles of collaborative culture and teacher' self-efficacy. *Egitim Arastirmalari-Eurasian Journal of Educational Research*, 33, 93-112.
- Dollansky, T. D. (1997). *Rural Saskatchewan elementary K-6 teachers' perceptions of supervision and professional development*. Tesis kedoktoran yang tidak diterbitkan., University of Saskatchewan, Saskatoon, Saskatchewan, Canada
- Ebmeier, H. (2003). How supervision influences teacher efficacy and commitment: an investigation of a path model. *Journal of Curriculum and Supervision*, 18(2), 110-141.
- Gay, L. R., Airasian, P. W., Airasian, P. & Mills, G. E (2011). *Educational research: Competencies for analysis and application*. USA: Prentice Hall.
- Glickman, C. D., Gordon, S. P., Ross-Gordon, J. (2004) *Supervision and instructional leadership: a development approach* (6<sup>th</sup> ed.). Boston: Pearson.
- Hamdan Said & Mohd Ali Sukor (2011). *Penyeliaan pengajaran di sekolah – sekolah kebangsaan daerah Johor Bahru*. Tesis kedoktoran yang tidak diterbitkan. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Hamdan Said & Nurlia Mohamad (2009). Penyeliaan pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah kebangsaan di daerah Kota Tinggi, Johor. *Jurnal Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia*, 3, 33-39.
- Hamdan Said dan Rahimah Abdul Rasid (2011). Amalan penyeliaan pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah kebangsaan di daerah Melaka Tengah. *Jurnal Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia*, 3, 40-59.
- Hoy, Wayne K., Woolfolk, Anita E. (1993). Teachers' sense of efficacy and the organizational health of schools. *Elementary School Journal*, 93 (4), 355-372.
- Jemaah Nazir Sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia (2003). *Standard Kualiti Pendidikan Malaysia-Sekolah : Pernyataan Standard*. Kuala Lumpur : Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2006). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006 – 2010; Rancangan Malaysia ke – 9*. Kuala Lumpur : Kementerian Pelajaran Malaysia
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2013), *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025*. Kuala Lumpur : Kementerian Pelajaran Malaysia
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1987). *Surat Pekeliling Ikhtisas bilangan 3/1987 : Penyeliaan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas oleh Pengetua/ Guru Besar sekolah*. KP(BS)8591/Jld II (77). Kuala Lumpur : Kementerian Pelajaran Malaysia
- Khalid Johari (2009). Perkembangan Efikasi Guru Sekolah Menengah Di Sabah. *Jurnal Kemanusiaan* 20, 34-45.
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. (1970). Determining size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607 – 610.

- Lovell, J. T. dan Wiles, K. (2004). *Supervision for better schools* (9th ed.), NJ: Prentice-Hall.
- Mohd. Majid Konting (1998). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. KL: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Noraini Idris. (2013). *Penyelidikan dalam pendidikan*. KL, Malaysia: McGraw Hill Malaysia Sdn. Bhd.
- Nurahimah Mohd Yusoff & Rafisah Osman (2010). Hubungan Kualiti Penyeliaan Pengajaran dan Pembelajaran di bilik darjah dengan efikasi guru. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, Vol. 25, 53 – 71.
- Olivia, P. F., and Pawlas, G. E. (2004). *Supervision for today's schools* (7<sup>th</sup> ed.). Hoboken, NJ: John Wiley & Sons.
- O'Neill, S. & Stephenson, J. (2012). Exploring Australians Pre – Service Teachers Sense of Efficacy, Its Sources, and Some Possible Influences. *Teaching and Teacher Education*, 28(4), 535 – 545.
- Pajares, F. (2002). *Overview of social cognitive theory and of self-efficacy*. Dimuat turun dari <http://www.emory.edu/EDUCATION/mfp/eff.html> pada 10 Disember 2014.
- Rafisah Osman. (2009). Hubungan kualiti penyeliaan pengajaran dan pembelajaran dengan komitmen dan efikasi guru. Tesis Kedoktoran yang Tidak Diterbitkan. Universiti Utara Malaysia.
- Rahmah Murshidi, Mohd Majid Konting , Habibah Elias & Foo Say Foo. (2006). Sense of Efficacy among Beginning Teachers in Sarawak. *Teaching Education*, 17(3), 265 – 275.
- Robiah Saidin (1988). *Asas Pentadbiran Pendidikan*. Petaling Jaya : Pustaka Cipta Sdn Bhd.
- Ruhani Mohamed. (2005). *Penyeliaan pengajaran di dua buah sekolah pinggir bandar di negeri Kelantan*. Tesis arjana yang tidak diterbitkan. Institusi Pengajian Ke Pengetuaan, Universiti Malaya.
- Sharifah Mohd Gany. (2001). *Kepimpinan pengajaran pengetua sekolah menengah: kajian terhadap perlaksanaannya di sekolah Menengah Kebangsaan St. George, Pulau Pinang*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan. Minden: Universiti Sains Malaysia.
- Sullivan, S., & Glanz, J. (2005). *Supervision that improves teaching: Strategies and techniques* (2<sup>nd</sup> ed.). Thousand Oaks, CA: Corwin .
- TALIS (2013). *Overview of country results in TALIS: Malaysia*. Dimuat turun dari <http://www.oecd.org/edu/school/43072611.pdf> pada 3 Jan 2015.
- Teng Lung Kiu. (2006). Pengaruh Faktor Terpilih Terhadap Efikasi-Kendiri Guru Sekolah Menengah di Negeri Sarawak. *Thesis Doktor Falsafah*. Fakulti Pendidikan. Universiti Putra Malaysia.
- Tschannen-Moran, M. & Woolfolk Hoy, A. (2007). The differential antecedents of self-efficacy beliefs of novice and experienced teachers. *Teaching and Teacher Education*, 23(6), 944 – 956.
- Tschannen-Moran, M. & Woolfolk Hoy, A. (2001). Teacher efficacy: Capturing an elusive construct. *Teaching and Teacher Education*, 17, 783-805.

Tschannen-Moran, M. & Woolfolk Hoy, A. (2002). The influence of resources and support on teachers' efficacy beliefs. *Paper presented at the Annual Meeting of the American Educational Research Association*, New Orleans: LA.

Vijayaamalar Gunarasa & Suhaida Abdul Kadir (2013) *Sikap guru terhadap penyeliaan pengajaran yang dijalankan di sekolah menengah kebangsaan, Zon Bangsar, Kuala Lumpur, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia*, Seminar Pasca Siswazah Dalam Pendidikan (GREDUC 2013)

Wan Mohd. Zahid Mohd. Noordin. (1993). *Pengisian wawasan pendidikan*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Pendidikan Nasional Peringkat Negeri Pulau Pinang, pada 18 September 1993, di Dewan Sri Pinang, Pulau Pinang.

Zainuddin Muhammad. (1998). Persepsi guru terhadap penyeliaan pengajaran di sebuah sekolah di Kelantan. *Tesis Sarjana yang tidak di terbitkan*. Universiti Malaya.

Zulhilmi Paidi & Rohani Abdul Ghani. (2003). *Pendidikan negara bangsa*. Kuantan: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.